



SETIAUSAHA KERAJAAN,
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN,
TINGKAT 19,
BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503 SHAH ALAM,
SELANGOR DARUL EHSAN

Tel. : 03-5514 2134 (Terus)
: 03-5544 7042/7043/
7045/7520
Faks : 03-5510 3062

IPK.Sel.Pent.
100-10/4/2 (68)
9 Syawal 1434H
6 Ogos 2013

Semua Ketua Jabatan/ Agensi Negeri Selangor Darul Ehsan

Semua Pegawai Daerah Negeri Selangor Darul Ehsan

Semua Datuk Bandar, Bandar Raya/ Yang Dipertua Majlis Perbandaran/
Daerah Negeri Selangor Darul Ehsan

YAD./ Y.Bhg. Dato' Setia/ Dato'/ Datin Paduka/ Tuan/ Puan

SURAT HEBAHAN SUK BIL.32 TAHUN 2013

ARAHAN MENGIBAR JALUR GEMILANG SEMPENA SAMBUTAN KEMERDEKAAN KE 56 DAN SAMBUTAN PERAYAAN JUBLI EMAS HARI MALAYSIA KE 50 TAHUN 2013

Adalah saya dengan hormatnya memohon perhatian YAD./ Y.Bhg. Dato' Setia/
Dato'/ Datin Paduka/ Tuan/ Puan mengenai perkara tersebut di atas.

2. Untuk makluman YAD./ Y.Bhg. Dato' Setia/ Dato'/ Datin Paduka/ Tuan/
Puan, pada tahun ini Sambutan Kemerdekaan ke 56 dan Sambutan Perayaan
Jubli Emas Hari Malaysia Ke 50 Tahun 2013 Peringkat Persekutuan akan
bermula pada 16 Ogos hingga 16 September 2013.

3. Pelancaran Kempen Kibar Jalur Gemilang Peringkat Negeri Selangor
akan diadakan pada 26 Ogos 2013 (Isnin) sementara Majlis Sambutan
Bulan Kemerdekaan dan Sambutan Perayaan Jubli Emas Hari Malaysia Ke
50 Tahun 2013 akan diadakan secara serentak pada 30 Ogos 2013 (Jumaat)
di Dataran Kemerdekaan Shah Alam. Manakala Acara Pelancaran Jalur
Gemilang Peringkat Persekutuan akan diadakan pada 16 Ogos 2013 (Jumaat) di
Dataran Zero, Sungai Petani, Kedah.

4. Sehubungan itu, YAD./ Y.Bhg. Dato' Setia/ Dato'/ Datin Paduka/ Tuan/ Puan, adalah dipohon supaya memastikan semua Jabatan di bawah Pentadbiran YAD./ Y.Bhg. Dato' Setia/ Dato'/ Datin Paduka/ Tuan/ Puan serta memaklumkan kepada agensi/ syarikat/ premis perniagaan yang dimiliki pihak swasta agar bersama-sama meraikan sambutan Bulan Kemerdekaan dengan **mengibarkan Jalur Gemilang di semua premis** serta meletakkan Jalur Gemilang pada kenderaan rasmi Kerajaan sepanjang tempoh Bulan Kemerdekaan **bermula 19 Ogos hingga 16 September 2013**. Semua premis kerajaan/ swasta dan persendirian dipohon untuk menjaga kebersihan dan keceriaan bangunan serta mengindahkan persekitaran dengan pemasangan lampu pada waktu malam.

5. Kerjasama Datuk Bandar dan Yang Dipertua Pihak Berkuasa Tempatan adalah dipohon bagi memaklumkan pelaksanaan Sambutan Bulan Kemerdekaan serta kempen Jalur Gemilang ini kepada setiap premis dan bangunan perniagaan yang di bawah pentadbiran PBT masing-masing.

6. Kerjasama YAD./ Y.Bhg. Dato' Setia/ Dato'/ Datin Paduka/ Tuan/ Puan, adalah dihargai supaya semangat patriotisma menyambut Perayaan Bulan Kemerdekaan pada tahun ini dapat dipertingkatkan.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



(DATO' HAJI MOHAMMED KHUSRIN BIN HAJI MUNAWI)
D.S.I.S., A.S.A., P.P.T.